**DEPUTY PRIME MINISTER**

**PRESS STATEMENT**

**For Immediate Release**

# Global Public Security Cooperation Forum in China

Today, I had the honour of representing Malaysia at the 2024 Conference of Global Public Security Cooperation Forum in Lianyungang, China. My special remarks focused on "Building a Community of Common Responsibility through a Cooperation Network Jointly Established by Multiple Forces," - highlighting Malaysia's commitment to enhancing global security through increased cooperation.

In my speech, I emphasized the need for strong international collaboration to tackle transnational crime, which poses a growing threat to global safety and stability. Effective crime prevention goes beyond national efforts and requires shared intelligence, reinforced legal frameworks, and capacity building among law enforcement agencies, governments, and international organizations.

I also announced that Malaysia and China have signed a significant agreement to boost our cooperation in combating transnational crime. This agreement covers areas such as terrorism-related intelligence, border controls, and the fight against telecommunications fraud, online gambling, drug trafficking, smuggling, and money laundering. It includes training to enhance our law enforcement capabilities in these critical areas.

Malaysia is dedicated to playing an active role in this global fight. Our goal is to ensure justice and protect our citizens from the detrimental effects of transnational crime.

Furthermore, I addressed the urgent issue of online and illegal gambling, which threatens public safety and financial stability. The rise of digital platforms and cross-border transactions makes it challenging for individual nations to address these issues alone.

Malaysia is committed to combating illegal gambling and has proposed the creation of a Working Group for National Security Framework to improve legal frameworks, enhance law enforcement, and boost cross-border cooperation. Our agreement with China has already yielded positive results, with arrests of Chinese nationals in Malaysia dropping from 1,225 in 2020 to 79 in 2023. This success is due to our coordinated efforts, intelligence sharing, and joint task forces.

Additionally, I shared Malaysia's best practices, such as our Next Generation Emergency Services (NG999), which utilizes advanced technologies like digital maps, geolocation, and AI to improve emergency responses.

Community policing is another crucial aspect of public safety. Malaysia's Safe City Programme promotes citizen involvement through neighbourhood watch initiatives and public safety campaigns. I encourage all nations to invest in modern policing technologies and advanced equipment as well balancing security measure. Implementing high-definition facial recognition and advanced CCTV technology can significantly enhance crime prevention and response.

In conclusion, Malaysia is committed to building robust security partnerships worldwide. We invite all nations to join us in this effort to strengthen global security and ensure a safer future for all.

Together at this conference are His Excellency Wang Xiaohong, Minister of Public Security of the People's Republic of China; Ivica Dacic, Deputy Prime Minister and Minister of Interior of Serbia; Major General Dr. Ahmed Naser Al-Raisi, President of Interpol; and ministers from countries around the world.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**
Deputy Prime Minister of Malaysia

*9 September 2024*

**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

# FORUM KERJASAMA KESELAMATAN AWAM GLOBAL DI CHINA

Hari ini, saya telah diberi penghormatan untuk mewakili Malaysia di Persidangan Forum Kerjasama Keselamatan Awam Global 2024 di Lianyungang, China serta memberi ucapan khas mengenai "Membina Komuniti Tanggungjawab Bersama melalui Rangkaian Kerjasama yang Ditubuhkan Bersama oleh Pelbagai Pasukan," yang meperlihatkan komitmen Malaysia untuk meningkatkan keselamatan global melalui peningkatan kerjasama.

Semasa berucap, saya menekankan keperluan mewujudkan kerjasama antarabangsa yang kukuh bagi menangani jenayah transnasional, yang menimbulkan ancaman yang semakin meningkat kepada keselamatan dan kestabilan global. Pencegahan jenayah yang berkesan melangkaui usaha negara dan memerlukan perkongsian bersama dalam bidang risikan, memperkukuh kerangka undang-undang, serta pembinaan kapasiti dalam kalangan agensi penguatkuasaan undang-undang, kerajaan dan organisasi antarabangsa.

Saya turut mengumumkan bahawa Malaysia dan China telah menandatangani perjanjian penting untuk meningkatkan kerjasama dalam memerangi jenayah transnasional. Perjanjian ini meliputi bidang seperti perisikan berkaitan keganasan, kawalan sempadan, dan memerangi penipuan telekomunikasi, perjudian dalam talian, pengedaran dadah, penyeludupan dan pengubahan wang haram. Ia termasuk latihan untuk meningkatkan keupayaan penguatkuasaan undang-undang dalam bidang-bidang tertentu.

Malaysia juga sentiasa berdedikasi untuk memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa. Matlamat Malaysia untuk memastikan keadilan ditegakkan dan melindungi rakyat daripada implikasi buruk jenayah transnasional.

Selain itu, saya telah memberikan penekanan khusus terhadap isu aktiviti perjudian haram secara dalam talian, yang mengancam keselamatan awam dan kestabilan kewangan negara. Kewujudan pelbagai platform digital dan berlakunya transaksi urus niaga rentas sempadan menjadikan isu ini sesuatu yang mencabar untuk ditangani oleh setiap negara secara bersendiri.

Malaysia komited untuk membanteras perjudian haram dengan mencadangkan penubuhan Kumpulan Bertindak untuk Rangka Kerja Keselamatan Negara (Working Group for National Security Framework) bagi menambah baik kerangka undang-undang, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan meningkatkan kerjasama rentas sempadan. Perjanjian Malaysia dengan China telah memperlihatkan hasil yang positif melalui penangkapan warga China di Malaysia menurun daripada 1,225 pada 2020 kepada 79 pada 2023. Kejayaan ini adalah hasil usaha bersepadu, perkongsian risikan dan pasukan petugas oleh kedua-dua negara.

Saya juga berkongsi amalan terbaik Malaysia, seperti Next Generation Emergency Services (NG999), yang menggunakan teknologi terkini seperti peta digital, geolokasi dan AI untuk meningkatkan respon kecemasan.

Komuniti Kepolisan juga merupakan satu lagi aspek penting dalam keselamatan awam. Saya berkongsi mengenai Program Bandar Selamat Malaysia yang menggalakkan penglibatan rakyat melalui aktiviti pengawasan kejiranan dan kempen keselamatan awam. Bagi mengimbangi langkah keselamatan sesuai dengan realiti semasa, saya menggalakkan semua negara untuk melabur dalam teknologi kepolisan bagi melengkapkan pasukan dengan peralatan moden yang lebih canggih, serta melaksanakan sistem pengecaman wajah berdefinisi tinggi termasuklah teknologi CCTV

terkini yang boleh meningkatkan pencegahan dan tindak balas terhadap jenayah yang berlaku dengan lebih berkesan.

Kesimpulannya, persidangan ini berjaya memperlihatkan komitmen Malaysia untuk mewujudkan perkongsian keselamatan yang lebih berkesan di seluruh dunia. Saya juga mengalu-alukan agar lebih banyak negara menyertai usaha ini ke arah mengukuhkan keselamatan global dan memastikan masa depan yang lebih selamat untuk semua.

Bersama-sama di persidangan ini adalah TYT Wang Xiaohong, Menteri Keselamatan Awam Republik Rakyat China; Ivica Dacic, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Serbia; Mejar Jeneral Dr. Ahmed Naser Al-Raisi, Presiden Interpol; serta Menteri-Menteri dari seluruh dunia.

**Ahmad Zahid Hamidi**
Timbalan Perdana Menteri

00 September 2024